



Kepentingan Perkembangan Kepakaran untuk Pengajaran

Mohd Nazri Mohd Noor
Nik Ismail Harun
Roslan Jamaludin

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan tentang kepentingan perkembangan kepakaran untuk pengajaran dalam dunia pembelajaran di Universiti Teknologi MARA (UiTM). UiTM kini bukan sekadar institusi yang menghasilkan graduan berkualiti malah fungsinya perlu menjangkau lebih daripada itu. Kepakaran pensyarah UiTM sangat diperlukan untuk membantu industri agar bertambah maju dan lebih berdaya saing. Kesan yang akan diperolehi oleh UiTM hasil daripada pelaksanaan kertas kerja ini akan boleh dinikmati untuk jangkamasa panjang khususnya dari aspek pengembangan ilmu. Perkembangan kepakaran berupaya memberikan pulangan yang tinggi terhadap universiti dan mampu menjadi pemangkin kepada aktiviti penyelidikan, penulisan begitu juga dengan penerbitan. Idea-idea dan kepakaran pensyarah jika digabungkan dengan pengalaman industri pula akan berupaya meningkatkan lagi nilai harga diri pensyarah. Pihak UiTM juga berpeluang untuk mengenal pasti bidang kepakaran yang diperlukan oleh pihak industri seterusnya menggubal kursus di universiti bagi melengkap keperluan tenaga kerja industri untuk masa hadapan. Usaha sebegini juga akan membantu UiTM menjadi lebih dikenali dan dihormati di mata dunia. Industri pula akan terus menghargai pensyarah dan universiti sebagai sebuah institusi yang mampu mengubah nasib dan masa depan mereka dalam industri masing-masing. Justeru itu, bagi mencapai matlamat tersebut satu direktori khas kepakaran pensyarah perlu diwujudkan sebagai pemangkin untuk jalinan industri dan pensyarah UiTM Pahang.

Kata kunci : *Perkembangan kepakaran, keperluan industri, strategi jalinan kepakaran, nilai tambah pensyarah*

Pendahuluan

Hubungan universiti dan industri memang tidak dapat dinafikan akan kepentingannya. Dalam dunia perniagaan yang serba mencabar, kedua-dua pihak saling memerlukan di antara satu sama lain. Universiti mempunyai tenaga kepakaran yang diperlukan oleh industri, yang terdiri daripada pensyarah yang berkelayakan dalam pelbagai disiplin. Pihak industri pula mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi daripada perusahaan yang dijalankan oleh mereka. Segala kepakaran dan pengalaman ini harus dilihat sebagai satu peluang untuk kedua-dua pihak mencapai matlamat masing-masing. Adalah amat jelas bahawa hasil daripada penggabungan tersebut pihak universiti mampu meningkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran menerusi pengenalan bidang-bidang yang berkaitan dengan kehendak industri. Di samping itu ia juga sangat relevan bagi maksud mempertingkatkan kredibiliti dan nilai tambah diri sebagai seorang pensyarah. Bagi pihak industri pula, kepakaran pensyarah boleh dijadikan sebagai pemangkin untuk menghasilkan produk atau pun perkhidmatan yang memenuhi kehendak dan piawaian yang diingini oleh pelanggan.

Dalam era globalisasi, sudah sampai masanya universiti di negara ini menggunakan konsep mengubah paradigma mereka kepada nilai yang lebih berkonsepkan kepada perkongsian kepakaran. Universiti, melalui tenaga pensyarah yang dimiliki, seharusnya mampu menjadi penyumbang kepada universiti yang mempunyai nilai keusahawanan (*enterprising university*) dan nilai komersil yang tinggi untuk jaminan *survival* di masa hadapan. Perkongsian kepakaran ini sebenarnya telah banyak diamalkan oleh universiti di luar negara tetapi di negara kita tahap perlaksanaannya masih rendah (Ibrahim 2004). Sementara itu, industri juga harus sedar akan tanggungjawab mereka. Industri seharusnya bukan lagi sekadar mengeluarkan produk atau perkhidmatan tetapi juga wajib berganding bahu dengan tenaga pensyarah universiti bagi memenuhi tanggungjawab sosial dalam setiap perusahaan yang dijalankan (Megat Najmuddin 2004). Jelaslah bahawa kedua-dua pihak mempunyai nilai simbiotik yang sungguh istimewa. Namun isu yang lebih penting diutarakan di dalam kertas ini ialah bagaimana untuk mencipta peluang jalinan kepakaran tersebut. Di samping itu beberapa aspek lain turut disentuh meliputi manfaat dan nilai yang bakal diperolehi hasil daripada jalinan kepakaran industri dan juga pihak universiti khususnya UiTM Pahang. Justeru itu kertas ini mengkhususkan skop kepada tenaga kepakaran pensyarah yang sedia ada di UiTM Pahang dan kaedah yang dilaksanakan bagi merealisasikan impian jalinan kepakaran universiti dan industri di negeri Pahang.

Sumber Kepakaran UiTM Pahang

Pengajaran dan pembelajaran adalah satu bidang tugas yang sangat mencabar. Ianya bersifat kompleks di mana setiap sumber yang ada perlu digunakan secara optimum. Kedua-dua entiti iaitu universiti dan industri amat memerlukan

sumber yang mampu memberikan hasil keluaran (*output*) yang tinggi mutunya dan terkemuka nilainya. Walaupun kebanyakan produk dan perkhidmatan dihasilkan dengan sokongan simulasi teknologi terkini, namun yang menggerakannya semuanya datang dari sumber manusia yang pakar dalam disiplinnya. Menyedari akan hakikat inilah UiTM Pahang perlu sentiasa ke hadapan di dalam proses untuk mengoptimumkan usaha menggunakan sumber kepakaran yang ada untuk menjana situasi menang-menang (*win-win situation*) yang lebih telus. Kesan positif yang bakal dinikmati ialah UiTM Pahang akan mendapat pulangan dari segi pengembangan pendidikan manakala pihak industri pula akan merasai jaminan *survival* hasil daripada penggabungan universiti dan industri yang mantap.

Umum sedia maklum bahawa UiTM Pahang mempunyai 6 fakulti yang mampu merealisasikan impian pengwujudan hubungan universiti dan industri. Fakulti-fakulti yang dimaksudkan ialah:

- i. Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif
- ii. Fakulti Pengurusan dan Teknologi Pejabat
- iii. Fakulti Perakaunan
- iv. Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
- v. Fakulti Sains Gunaan
- vi. Fakulti Kejuruteraan

Selain daripada itu UiTM Pahang juga mempunyai dua institusi bertaraf jabatan dan pusat iaitu:

- i. Jabatan Bahasa
- ii. Pusat Pendidikan Islam

Setiap entiti yang ada perlu digerakkan untuk mempromosikan fakulti mereka supaya pihak industri di luar menyedari akan kewujudan mereka. Usaha promosi perlu dijana dengan segera untuk mencapai matlamat hubungan universiti-industri dalam masa yang singkat. Statistik yang diperolehi dari Bahagian Pentadbiran UiTM Pahang berkaitan dengan bilangan pensyarah bagi seluruh fakulti dan jabatan setakat bulan Ogos 2006 adalah seperti berikut:

Jadual 1: Statistik Kakitangan Akademik UiTM Pahang. (*sumber: Bahagian Pentadbiran UiTM Pahang*)

BIL	KATEGORI	PENSYARAH	PEN. PENSYARAH	JUMLAH
1	BERTUGAS (TETAP)	183	4	187
2	BERTUGAS (SEMENTARA)	5	0	5
3	BERTUGAS (KONTRAK)	11	0	11
4	BERTUGAS (PAKEJ)	21	0	21
5	CUTI BELAJAR (TETAP)	14	1	15
	JUMLAH	234	5	239

Berdasarkan statistik yang tertera di Jadual 1, adalah jelas bahawa sumber kepakaran UiTM Pahang mencukupi untuk diketengahkan bagi memantapkan jalinan ataupun hubungan mantap di antara universiti dan juga industri.

Rasional Perkembangan Kepakaran

Perkembangan kepakaran memerlukan sokongan dimensi baru berkaitan anjakan paradigma, perubahan budaya kerja serta norma pemikiran kerana ia melibatkan cabaran yang amat besar. Para pensyarah sedia maklum akan bebanan tugas pengajaran dituruti dengan tugas-tugas lain seperti penyelidikan, penulisan dan pembentangan kertas kerja. Namun begitu jika diamati secara teliti para pensyarah akan mendapat kesemua perkara yang dinyatakan hasil dari hubungan universiti dan industri. Bukti-bukti kenyataan yang disebutkan di atas dihuraikan dalam rasional perkembangan kepakaran seperti berikut:

Sumber Pengembangan Ilmu

Para pensyarah universiti dengan kepakaran yang ada sememangnya berupaya mengeluarkan formulasi baru berkaitan dengan produk mahupun sistem penyampaian perkhidmatan. Namun jika idea dan formulasi tersebut hanya berlegar di dalam bilik kuliah di universiti, proses pengembangan ilmu itu tidak akan dapat membantu kejayaan industri dan nilai diri pensyarah itu sendiri. Aspirasi kecemerlangan tidak akan dapat dicapai sekiranya pensyarah

hanya selesa di alam dunia akademik semata-mata. Wujudnya sesebuah universiti itu membawa pertanggungjawaban yang sangat besar. Di negara luar kewujudan universiti adalah untuk menyuburkan dan memakmurkan persekitarannya. Atas dasar itulah ilmuwan terdahulu pernah menyebut bahawa untuk cemerlang, cara berfikir mestilah bersifat global dan aspek perlaksanaannya pula perlu bersifat lokal. Rentetan daripada idea itu, para pensyarah universiti perlu mengambil segala kesempatan yang ada untuk menjadikan peluang jalinan kepakaran universiti-industri satu landasan untuk pengembangan ilmu kepakaran mereka.

Dengan teknologi yang ada di universiti dan kerjasama dengan pihak industri, para pensyarah berpeluang untuk menghasilkan produk baru yang berfokuskan kepada nilai komersil. Hasil daripada kajian itu juga boleh digunakan untuk bahan pengajaran dan pembelajaran dengan cara menunjukkan bukti di bilik kuliah bahawa penyelidikan yang mempunyai nilai komersil mampu menjana pendapatan pensyarah dan universiti serta mampu membantu industri untuk berkembang maju. Nilai inilah yang akan lebih difahami oleh para pelajar. Secara tidak langsung mereka telah membuktikan tentang betapa penting dan perlunya aspek penyelidikan yang mempunyai nilai komersil. Hasilnya mereka akan lebih menghargai ilmu yang diberikan kepada mereka oleh para pensyarah. Asasnya adalah sama iaitu hubungan universiti dan industrilah yang mencetuskan nilai pengembangan ilmu tersebut.

Sumber Peningkatan Nilai Diri Pensyarah

Setiap kejayaan tidak akan dapat dicapai dengan mudah. Ini adalah hukum alam yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. Namun ia akan menjadi manis setelah penat lelah terbayar oleh kejayaan menghasilkan sesuatu produk atau pun kaedah penyampaian perkhidmatan baru yang mampu meningkatkan nilai harga diri seseorang pensyarah. Sebagaimana yang umum sedia maklum, salah satu daripada kriteria universiti bertaraf dunia adalah mempunyai pensyarah bertaraf dunia yang menjadi sumber rujukan dalam disiplinnya. Pensyarah UiTM Pahang perlu menanamkan azam di dalam setiap diri masing-masing agar menjadi pakar rujuk dalam disiplin mereka. Justeru itu, hubungan universiti-industri adalah sesuatu yang sangat baik sebagai platform untuk seseorang pensyarah menerjah ke peringkat yang lebih global.

Umum sedia maklum bahawa perkara jelas yang membezakan antara manusia di sisi penciptanya adalah ketakwaan, keimanan dan keilmuan. Lebih tinggi ketiga-tiga elemen tersebut, lebih tinggilah nilai diri ataupun darjat manusia itu. Dalam konteks universiti dan persepsi industri pun begitu juga hakikatnya. Lebih banyak seseorang pensyarah itu menyumbangkan kepakaran di dalam disiplinnya maka lebih tinggilah nilai diri pensyarah tersebut. Pelajar akan lebih menyayangi dan mengaguminya. Masyarakat pula akan lebih menghormati tahap keintelektualan dan ketinggian ilmunya serta kesantunan pekertinya. Hanya ilmu yang berupaya memelihara kehormatan seseorang pensyarah. Apatah lagi jika hasil jalinan kerjasama tersebut mampu meningkatkan lagi kesejahteraan masyarakat, penyuburan ekonomi serta keharmonian sosial. Jelaslah bahawa hubungan universiti dan industri sememangnya berupaya mencernakan serta meningkatkan lagi nilai diri seseorang pensyarah. Pemikiran positif sebeginilah yang harus ditanamkan di dalam diri setiap insan yang bergelar pensyarah di UiTM Pahang.

Sumber Pendapatan kepada Pensyarah dan Universiti

Perkembangan kepakaran amat penting untuk jaminan *survival* universiti dan industri. Pengurusan UiTM dengan jelas amat menggalakkan jalinan tersebut. Buktinya, para pensyarah UiTM kini dibenarkan untuk menjadi Ahli Lembaga Panel Industri (Anonymous 2004e). Ini bermakna platform sokongan dan galakan telah sedia ada. Cuma pensyarah perlu lebih proaktif untuk melaksanakan aspirasi pengurusan tertinggi UiTM tersebut. Jaminan *survival* amat diperlukan kerana di masa hadapan universiti tidak boleh terus bergantung kepada bantuan kerajaan lagi. Universiti terpaksa bersaing untuk menggubal silibus seiring dengan kehendak industri demi mengeluarkan modal insan yang berkualiti di masa hadapan.

Konsep asas perkembangan kepakaran sebagai sumber pendapatan sangat mudah. Ianya telah lama diamalkan oleh universiti luar negara. Konsep pertama ialah pensyarah menjalankan kerja penyelidikan di UiTM. Dapatan daripada kajian tersebut akan menguntungkan pihak industri. Kos berkaitan akan ditanggung oleh pihak industri. Bayaran ke atas penciptaan juga akan dibayar kepada pihak universiti dan pensyarah. Secara ringkasnya ia bermakna industri akan mendapat hak pengeluaran dan pendedaran produk atau pun perkhidmatan tersebut manakala pihak universiti pula akan mendapat dana untuk pembangunan industri, pensyarah yang berkualiti serta meningkatkan mutu pendidikan yang bertaraf dunia. Ini bersesuaian dengan konsep ke arah universiti yang mempunyai doktrin keusahawanan (*entreprising university*) sebagaimana yang diingini oleh pengurusan tertinggi UiTM.

Sumber kepada Pengenalpastian Kursus Berdasarkan Keperluan Industri

Statistik menyatakan dengan jelas bahawa bilangan siswazah menganggur di negara ini adalah seramai 27,049 orang (Abdul Rahman 2005). Ada beberapa faktor yang dikaitkan dengan kadar pengangguran tersebut. Faktor pertama ialah kegagalan siswazah berkomunikasi dengan baik (Anonymous 2004b). Faktor kedua ialah sistem pendidikan yang kurang menepati kehendak dan keperluan industri yang bersifat dinamik. Faktor ketiga ialah mentaliti siswazah itu sendiri yang kurang yakin dengan keupayaan mereka sendiri. Kesannya, ramai pelajar mendapat CGPA yang

hebat tetapi hanya 10 peratus hingga 15 peratus yang mampu menepati kehendak industri (Simon 2006).

Pengembangan kepakaran melalui jalinan universiti dan industri mampu meminimumkan masalah tersebut. Pensyarah yang menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan konsultasi sama ada di universiti mahupun di industri itu sendiri tentunya memberikan pelbagai pengalaman baru dalam dunia akademik mereka. Pendedahan kepada pengalaman itu sudah tentunya mampu diterjemahkan dalam bentuk penggubalan kursus yang mampu menjurus kepada keperluan industri. Pengenalpastian tersebut sudah tentunya akan menyuntik satu semangat baru kepada industri untuk lebih memberi pengiktirafan kepada universiti, para pensyarah serta graduan yang dilahirkan. Sekiranya dipraktikkan, bilangan graduan menganggur akan berjaya dikurangkan malah jika diberikan peluang dan kepercayaan, graduan itu sendiri boleh mengambil peluang untuk mengeluarkan dan mengedar produk hasil pensyarah mereka bagi tujuan komersil. Sejak beberapa tahun yang lepas, universiti swasta di negara ini sudah mula memperkenalkan kursus-kursus berdasarkan keperluan dan kehendak industri. Penawaran ini sebenarnya adalah kesan daripada hasil pengamatan proaktif mereka dan tindakan awal jalinan yang strategik dengan pihak industri.

Strategi Perkembangan Kepakaran

Perancangan yang komprehensif memerlukan strategi yang mantap dan jelas. Mencapai matlamat bukan sesuatu yang boleh berlaku dalam sekelip mata. Strategi yang dirancang haruslah bersifat holistik dan fleksibel. Bagi menjayakan perkembangan kepakaran dalam dunia perniagaan yang serba dinamik ini, pendekatan atas talian (*online*) dan juga luar talian (*offline*) haruslah dijalankan. Ini penting kerana keupayaan capaian terhadap internet dan keinginan terhadap penggunaannya adalah berbeza di antara satu segmen dengan segmen yang lain. UiTM Pahang diyakini boleh mendepani dan menggarap segala strategi yang dinyatakan di bawah ini tanpa banyak halangan. Berikut adalah strategi yang digariskan bagi mencapai matlamat tersebut:

Projek Direktori Kepakaran UiTM Pahang

Direktori kepakaran mestilah diwujudkan untuk berfungsi sebagai pengkalan data kepada seluruh kakitangan akademik UiTM Pahang. Projek ini akan dibahagikan kepada dua fasa. Fasa pertama adalah melalui laman web yang diberi nama sebagai 'Directory of Expertise' atau ringkasnya 'DeXPert'. 'DeXPert' mengandungi maklumat lengkap seseorang pensyarah, kelayakan akademiknya, bidang pengkhususan dan kepakarannya serta pencapaian cemerlang yang pernah diciptanya. Segala maklumat tersebut akan dirangka oleh koordinator teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) UiTM Pahang dan akan dimuatnaik (*upload*) ke laman web UiTM Pahang. Bagi menjayakan projek ini, komitmen setiap pensyarah diperlukan untuk memperlengkap dan mengemaskini segala maklumat seperti yang dinyatakan tadi. Pihak industri akan mendapat capaian terhadap segala maklumat tersebut melalui internet.

Fasa kedua ialah lanjutan daripada fasa pertama iaitu segala maklumat akan dicetak dan dijilidkan sebagai menunjukkan hasil kerja dan komitmen kakitangan akademik UiTM Pahang yang profesional. Direktori tersebut akan dijilidkan mengikut fakulti bagi memudahkan rujukan pihak industri. Ianya boleh diedarkan semasa majlis-majlis rasmi universiti mahupun seminar yang melibatkan industri dan kerajaan negeri. Kaedah promosi sebegini dianggap mudah dan berkesan serta menjimatkan kos universiti. Pihak industri boleh menggunakan direktori tersebut untuk rujukan segera apabila khidmat nasihat pakar UiTM Pahang diperlukan.

Fokus Penyelidikan Bernilai Komersil

Produk penyelidikan yang dihasilkan perlu ada nilai komersil (Ibrahim 2005). Ianya amat penting bagi maksud diperpanjangkan untuk proses selanjutnya berkaitan dengan pengkomersilan. Dewasa ini banyak penciptaan yang hanya tersimpan di universiti sahaja kerana kurangnya nilai komersil di mata industri. Terdapat juga situasi di mana penciptaan tersebut tidak sampai ke pengetahuan pihak industri. Justeru itu, strategi yang disarankan ialah setiap penyelidikan oleh pensyarah UiTM Pahang akan dipromosikan di media elektronik dan dimaklumkan kepada pihak industri serta kerajaan negeri. Tawaran juga perlu dibuat kepada industri untuk mengkomersilkan penciptaan tersebut.

Pensyarah juga boleh berganding bahu dengan pihak industri dari segi cetusan idea. Penggarapan seterusnya akan dilakukan oleh pihak industri dan proses asimilasi menurut kehendak industri dan masyarakat akan dipadankan. Pihak industri berdasarkan pengalaman mereka yang luas mampu memberikan impak dan sentuhan komersil ke atas sesuatu ciptaan untuk menyerlahkan nilainya. Tidak ada yang lebih memuaskan hati melainkan ciptaan sendiri telah mendapat pengiktirafan industri, kerajaan dan juga masyarakat. Kejayaan ini juga boleh meningkatkan motivasi diri dan juga menjadi perangsang kepada pelajar dan pensyarah yang lain.

Insentif Perkembangan Kepakaran

Pihak UiTM juga disarankan untuk memberikan pakej insentif yang lebih menarik kepada para pensyarahnya bagi maksud perkembangan kepakaran mereka. Pertimbangan diperlukan bagi pertambahan peruntukan kewangan untuk

membantu pensyarah menjalinkan hubungan universiti dan industri dengan lebih efektif. Tempoh kelulusan dari pihak universiti juga perlu dipercepatkan supaya masa tidak terbazir begitu sahaja di samping dapat mengekalkan motivasi yang ada. Pensyarah juga harus diberikan wajaran yang munasabah dalam penilaian prestasi tahunannya. Ia penting kerana banyak masa perlu digunakan semasa proses perkembangan kepakaran tersebut.

Adalah disyorkan agar satu mekanisme baru dibentuk bagi menilai penarafan insentif yang akan diberikan kepada pensyarah agar dapat memuaskan hati kedua-dua pihak. Selain daripada insentif kewangan pensyarah juga perlu diberikan insentif yang mampu menarik minat mereka untuk lebih giat lagi menjalinkan hubungan dengan industri seperti anugerah khas universiti atau industri. Insentif tersebut perlulah bersifat fleksibel agar penyaluran dana dan yang berkaitan dengannya akan menjadi lebih telus dan mudah sampai kepada para pensyarah profesional yang sentiasa bersedia untuk menghasilkan ciptaan-ciptaan baru demi jaminan *survival* universiti dan industri.

Pihak pengurusan UiTM Pahang juga mesti mengambil peluang di atas tawaran yang dibuat oleh SMIDEC (Small Medium Development Corporation) yang telah menyenaraikan UiTM sebagai tempat latihan industri mereka. SMIDEC juga menawarkan perkhidmatan untuk pensyarah yang akan bersara supaya idea tidak dibazirkan melalui program 'Industry Reference Specialist' (Anonymous 2004d).

Cabaran Perkembangan Kepakaran

Pihak universiti dan industri sedia maklum bahawa perkembangan kepakaran dan pembangunan modal insan adalah amat penting dalam memastikan kesinambungan kejayaan sesebuah industri. Namun begitu hubungan yang sepatutnya dijalinan berlaku dalam keadaan yang sangat minima. Halangan yang dikenalpasti sebagai penyebab kepada kurangnya jalinan universiti dan industri adalah seperti berikut:

Sikap Pihak Industri yang Bimbang Rahsia Kekuatan Perniagaan mereka akan Terbongkar

Pihak industri secara prinsipnya akan terus mencari nilai tambah dan inovasi produk yang berkualiti untuk dikomersilkan. Setiap daripada mereka mempunyai kekuatan dan rahsia tertentu untuk membolehkan mereka memperolehi jaminan survival di dalam dunia perniagaan masa kini yang bersifat dinamik. Namun begitu masih terdapat pemain-pemain dalam industri tertentu yang berahsia khususnya dalam aspek formulasi produk, saluran pengedaran, tanda aras penetapan harga mahupun aspek promosi yang benar-benar berkesan. Mereka berpandangan bahawa adalah tidak wajar untuk berkongsi kepakaran setelah banyak masa, tenaga dan wang digunakan untuk kerja-kerja pembangunan dan penyelidikan atau pun membeli hak cipta dan paten produk.

Justeru itu pihak pensyarah perlu mengambil pendekatan dengan membantu pihak industri mengenal pasti elemen-elemen yang benar-benar dianggap sebagai sulit dan rahsia. Manakala elemen-elemen yang mempunyai tahap kerahsiaan yang rendah bolehlah dikongsi untuk kebaikan bersama (Megat Najmuddin 2004).

Pandangan oleh Pihak Industri tentang Kualiti Pensyarah yang Dipertanggungjawabkan untuk Menjalinkan Hubungan dengan Mereka

Sesetengah industri didapati mempunyai sikap yang skeptikal terhadap para pensyarah universiti. Mereka beranggapan bahawa para pensyarah hanya mahir dalam teori-teori yang berkaitan dengan disiplin mereka sahaja. Sebenarnya sikap industri sebegini akan membantutkan usaha pengembangan kepakaran tersebut. Tanggapan sedemikian wujud di kalangan sesetengah mereka kerana terpengaruh dengan kata-kata tanpa bukti kuat yang menyokong hujah tersebut. Ia mungkin berpunca dari sikap sesetengah pengamal industri yang tidak mempunyai pendidikan formal yang tinggi.

Pihak industri yang berorientasikan keuntungan sangat teliti dalam memilih pensyarah dan universiti untuk diberikan projek atau peruntukan bagi menjalankan kerja-kerja penyelidikan. Hanya pensyarah yang berkaliber sahaja yang akan dipilih. Sehubungan dengan itu para pensyarah perlu mengambil peluang yang tersedia dengan memanfaatkan sepenuhnya peluang melakukan kerja-kerja perkembangan kepakaran secara langsung '*hands-on*'. Pensyarah perlu yakin dengan ilmu yang ada dalam diri mereka kerana segala teori yang dipelajari tersebut juga wujud hasil daripada kerja-kerja langsung ataupun '*hands-on*' (Anonymous 2004b).

Mentaliti Sesetengah Pensyarah yang terlalu Bersifat Akademik

Dalam dunia pendidikan tidak dapat dinafikan memang ada pensyarah yang terlalu bersifat akademik (Bakar 2004). Mentaliti sebegini harus dikikis kerana realiti dunia akademik dan pendidikan agak berbeza. Pengamal industri banyak melakukan kerja mengikut gerak hati dan pengalaman serta proses kerja yang berulang-ulang. Mereka banyak belajar daripada kesilapan. Ahli akademik pula melakukan kerja berdasarkan pengamatan dan kajian-kajian saintifik yang dijalankan. Kedua-dua amalan ini mempunyai kelebihan masing-masing. Namun apabila ahli akademik bergerak atas landasan hubungan universiti dan industri, gabungan kesemua elemen yang menjadi amalan industri dan universiti haruslah diadaptasi secara bijak oleh para pensyarah.

Pensyarah perlu bijak melaksanakan proses asimilasi kepakaran masing-masing sesuai dengan kehendak industri. Mentaliti terlalu bersifat akademik perlu diminimalkan bagi membolehkan mereka diterima dengan baik oleh industri. Pensyarah yang dihormati oleh pihak industri biasanya adalah pensyarah yang berupaya mendengar pandangan dan hujah pihak industri dan kemudiannya memberikan ulasan serta cadangan penambahbaikan. Ini menunjukkan kematangan dalam dunia akademik dan mempamerkan kredibilitinya sebagai seorang pensyarah yang pakar di dalam disiplinnya. Justeru itu, adalah sangat penting supaya realiti dunia akademik dan perniagaan difahami terlebih dahulu sebelum seseorang pensyarah itu berhasrat menjalinkan hubungan dengan pihak industri.

Kesimpulan

Dunia perniagaan dewasa ini bukan lagi menjadikan kejayaan kewangan sebagai tanda aras tunggal kejayaan sesebuah perniagaan. Sesebuah perniagaan akan dianggap lebih berjaya jika sekiranya mereka mempunyai hubungan yang strategik yang cemerlang dengan institusi yang berkaitan dengan pembangunan industri, tadbir urus korporat yang baik dan sistem pengawalan kualiti produk yang terkemuka. Dalam dunia akademik pula kecemerlangan pensyarah kini bukan setakat kecemerlangannya mendidik anak bangsa, malah lebih daripada itu. Pensyarah wajib mengembangkan disiplin yang menjadi bidang kepakarannya. Perkara ini hanya akan dapat dicapai sekiranya kedua-dua pihak menjalinkan hubungan yang strategik. UiTM Pahang mempunyai banyak kelebihan untuk dieksploitasikan secara positif oleh pihak industri.

Berdasarkan senario semasa, jaminan *survival* universiti dan industri pada masa hadapan akan banyak bergantung kepada jalinan strategik di antara tenaga pakar dari kedua-dua belah pihak. Perkembangan kepakaran amat penting untuk menyuburkan lagi sistem pengajaran dan pembelajaran di universiti. Aspek ini perlu diberi penekanan serius oleh pihak universiti. Kepentingan jalinan ini boleh dibuktikan sehingga adanya cadangan agar diwujudkan syarat hubungan industri ke atas setiap pensyarahnya sekali bagi setiap lima tahun (Bakar 2004). Ini adalah jelas kerana setiap pensyarah yang melibatkan diri dalam hubungan industri untuk perkembangan kepakarannya akan menikmati kesan berganda khusus buat pelajar mereka, Justeru itu, untuk menjamin kelangsungan ilmu, hubungan universiti dan industri perlulah dianggap sebagai wajib untuk pensyarah (Anonymous 2004b).

Rujukan

- Abdul Rahman Bakar. (2005, Jun 2). *Ucapan Perasmian Karnival Pekerjaan USM Kubang Kerian*. Tarikh akses: 2006, September 6 dipetik daripada laman web <http://www.mohr.gov.my/my/mygovge/makluman/spdm26.htm>
- Anonymous. (2004a). Integrating Knowledge And Industrial Power. *UILC News*, vol. 3, Dec. 2004: 1.
- Anonymous. (2004b). Integrasi Universiti – Industri: Keberkesanan Fungsi Untuk Menafaat Bersama. *Jaringan. UILC-UiTM*, Bil. 09/04: 1-2.
- Anonymous. (2004c). Pengiktirafan Diberikan Kepada Pensyarah Yang Menjalankan Penyelidikan Kontrak-Geran Penyelidikan Industri. *Jaringan. UILC-UiTM*, Bil. 03/04: 4.
- Anonymous. (2004d). SMIDEC Tawar Peluang Keemasan Bagi Yang Akan Berpencen. *Jaringan. UILC-UiTM*, Bil. 01/04: 3.
- Anonymous. (2004e). VC Benarkan Pensyarah Jadi Ahli Lembaga Panel Industri. *Jaringan. UILC-UiTM*, Bil. 02/04: 2.
- Bakar Abraham. (2004). A Professional Academician. *UILC-News*, vol 2, June 2004: 8-9.
- Ibrahim Abu Shah. (2005). Dari Makmal Ke Pasaran. *Jaringan. UILC-UiTM*, Bil. 13/05: 1
- Ibrahim Abu Shah. (2004). Integrating Knowledge And Industrial Power. *UILC-News*, vol 3, Dec. 2004: 1, dipetik daripada Ucapan Perasmian UILC-UiTM pada 23 Jun 2004.
- Megat Najmuddin Megat Khas. (2004). Integrating Knowledge And Industrial Power. *UILC-News*, vol 3, Dec. 2004: 1, dipetik daripada Ucapan Perasmian UILC-UiTM pada 16 Jun 2004.
- Simon R. (2006, September 5). 'A' in exam, 'F' in Interview, *The Star*: 16.